

Peranan kukuhkan kestabilan bekalan elektrik di Semenanjung

Loji SPG mula beroperasi

Kosmo Ahad
21/2/2021 M/s 12

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA - Kapasiti penjanaan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia kini mencecah kepada 25,962 megawatt (MW).

Ta selepas loji janakuasa elektrik Southern Power Generation Sdn. Bhd. (SPG) kendalian Remaco, anak syarikat TNB Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Power Generation) mula beroperasi pada tahap penuh.

Pengarah Urusan TNB Power Generation, Datuk Nor Azman Mufti berkata, SPG kini menyalurkan 1,440MW bekalan elektrik kepada grid nasional menerusi dua Loji Janakuasa Tarbin Gas Kitaran Gabungan (CCGT) masing-masing berkapasiti 720MW.

"SPG kini beroperasi pada tahap penuh kapasiti penjanaan-



NOR AZMAN

nya berikutan Unit 2 CCGT berjaya mencapai tarikh operasi komersial (COD) pada pukul 12



SPG adalah loji janakuasa komersial pertama di dunia yang menggunakan tarbin gas 9HA.02 terbaharu dan paling cekap dihasilkan GE."

tengah malam, 19 Februari yang lalu.

"Unit 1 juga mencapai tarikh operasi komersial pada 1 Januari lalu. Dengan tercapai COD Unit 2 ini, 720MW lagi penjanaan disalurkan kepada kapasiti penjanaan sedia ada di Semenanjung Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.


Nor Azman memberitahu, kedua-dua loji itu terletak di lokasi strategik di Pasir Gudang,

Johor dan berperanan penting dalam mengukuhkan kestabilan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia.

Menurut beliau, kedua-dua loji itu menggunakan gas asli sebagai bahan bakar utama dan bekalan elektrik yang dijana menggunakan teknologi tarbin pembakaran 9HA.02 daripada General Electric (GE) dijangka mencapai kecekapan loji kitar padu melebihi 60 peratus.

"SPG adalah loji janakuasa komersial pertama di dunia yang menggunakan tarbin gas 9HA.02 terbaharu dan paling cekap dihasilkan GE," katanya.

Jelas Nor Azman, TNB dan TNB Power Generation selaku anak syarikat memiliki saham majoriti 70 peratus dalam SPG sementara SIPP Energy Sdn. Bhd. memegang baki 30 peratus.



SPG bersedia untuk menyalurkan bekalan elektrik kepada grid nasional menerusi dua loji CCGT.